



PENGERUSI INTI, Abdul Majid Ismail (kiri) dan Tan Yew Sing selepas upacara penyertaan syarikat itu di BSKL, di Kuala Lumpur, semalam.

INTI jangka perniagaan lebih baik

KUALA LUMPUR 9 Okt — INTI Universal Holdings Bhd., (INTI), yang memiliki dan mengendalikan kolej-kolej di bawah Kumpulan INTI, menjangkakan perniagaan yang lebih baik tahun depan dengan adanya rancangan perluasan yang sedang berlangsung sekarang ini, di luar dan dalam negara. Ketua Pegawai Eksekutif Tan Yew Sing berkata, rancangan perluasan syarikat membabitkan pembinaan pusat sumber di kampus induknya di Nilai yang menelan belanja RM12 juta, dan pembinaan St Theresa INTI College di Bangkok, Thailand, di mana kumpulan telah melabur RM6 juta setakat ini.

"Dengan semua pelaburan itu, kami yakin usaha kami akan mendatangkan hasil yang menakjubkan," kata Tan kepada pemberita selepas majlis pemindahan penyertaan dan sebut harga INTI daripada Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ke Papan Utama di sini hari ini.

Harga saham-saham INTI dibuka pada RM4.00 pagi ini, menokok 24 sen daripada harga terakhir RM3.76 sebelum digantung sementara waktu untuk proses pemindahan berkenaan (daripada papan kedua ke papan utama).

Muncul

Dengan pemindahan itu, INTI muncul menjadi satu-satunya kumpulan pendidikan di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama BSKL. Modal saham berbayar dan terbitan kumpulan pada masa ini ialah RM63 juta yang terdiri daripada 63 juta saham biasa pada harga RM1.00 setiap satu.

Tan berkata INTI Group of Colleges, yang terdiri daripada lima buah kampus terletak di Nilai, Subang Jaya, Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching, pada masa ini mempunyai sejumlah 11,000 pelajar.

"Kami berharap jumlah pelajar akan meningkat lebih daripada 10 peratus

tahun depan," kata beliau.

Pada masa ini, beliau menambah INTI mempunyai jumlah pelajar terbesar untuk program akademik jika dibandingkan dengan kolej-kolej swasta tempatan yang lain di negara ini.

Setakat ini, INTI Group of Colleges merupakan penyumbang pendapatan utama untuk kumpulan, kata Tan.

Bagaimanapun, INTI begitu optimistik sumber-sumber lain, seperti daripada anak syarikat teknologi maklumat (IT) INTI Information Technology Centre Sdn Bhd (IITC) dan program francais seberang laut di Vietnam, China dan Thailand akan turut membantu memberi sumbangan di masa akan datang.

"Untuk program francais kami, kami jangka sumbangan akan mula didapati menjelang tahun 2001 daripada negara-negara yang terbabit," kata Tan.